

03/05/1998

Gaji kakitangan awam tidak naik (HL)

Radzi A Wahab; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Gaji kakitangan awam tidak akan dinaikkan kerana pendapatan kerajaan hasil cukai tahun ini dijangka berkurangan berikutan kegawatan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya syak bahawa pendapatan kerajaan semakin berkurang dan oleh itu, mustahil bahawa gaji kita akan dinaikkan," katanya ketika melancarkan Hari Kualiti Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri semalam.

Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) bulan lalu dilaporkan pada peringkat menyediakan draf semakan gaji baru sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Draf semakan gaji itu dijangka dapat disiapkan dalam tempoh dua bulan lagi dan akan disemak oleh jawatankuasa sekretariat Cuepacs.

Kali terakhir kerajaan melaksanakan pelarasan gaji ialah pada Februari 1996 membabitkan RM2.096 bilion, hasil perbincangan Cuepacs dan kerajaan setahun sebelum itu.

Antara yang dipersetujui ketika itu ialah pembayaran Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) buat kali pertama dengan kadar minimum RM85 sebulan kepada 655,000 kakitangan kerajaan.

Kakitangan terendah kumpulan sokongan pula menerima pakej pelarasan gaji di antara RM139 dan RM161 sebulan membabitkan elaun rumah, kenaikan gaji pokok dan gaji tahunan.

Perdana Menteri berkata, keuntungan yang diperoleh syarikat kini berkurangan berbanding dulu dan keadaan itu menyebabkan jumlah cukai yang dibayar kepada kerajaan juga semakin kecil.

Sebagai contoh Sime Bank yang dulunya untung sehingga RM2 bilion, mencatatkan kerugian tahun ini. Ini bermakna kerajaan kehilangan (kutipan) cukai sebanyak RM56 juta, iaitu cukai 28 peratus yang dikenakan bagi sektor korporat.

"Dalam keadaan sekarang, boleh dikatakan hampir semua syarikat tidak lagi untung, berbanding banyak syarikat untung RM100 juta dan RM200 juta dulu," kata Dr Mahathir.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan buku Penggerak Jentera Pembangunan terbitan unit berkenaan. Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah UPP, Datuk Syed Ali Syed Nordin.

Dr Mahathir berkata, syarikat dalam sektor hartanah, pembuatan, restoran dan industri juga tidak mencatatkan keuntungan dan sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan cukai korporat.

"Hasil daripada cukai pendapatan individu juga terjejas kerana gaji pekerja dan eksekutif kanan syarikat dikurangkan dan mereka kadang-kadang terpaksa berhenti kerja," katanya.

Beliau berkata, langkah kerajaan menggalakkan rakyat menggunakan barangan tempatan juga menjejaskan hasil kerajaan daripada cukai import yang diperoleh sebelum ini.

Sambil mengambil contoh kereta mewah, Perdana Menteri berkata, sekiranya kereta berkenaan berharga RM100,000, kerajaan mengenakan cukai sebanyak 300 peratus.

"Ini bermakna kalau dia (ahli korporat) beli pada harga RM100,000, cukai yang kita kenakan RM300,000 dan kereta ini akan berharga RM400,000. Kita dapat banyak lagi daripada pengeluar Mercedes Benz," katanya.

Perdana Menteri meminta kakitangan awam berkorban agar masalah yang dihadapi sekarang akan dipulihkan dengan lebih cepat dan mereka boleh

menikmati anugerah menerusi kenaikan gaji.

"Kita perlu tingkat kualiti dalam semua aspek agar dapat memulih semula keadaan negara dengan lebih cepat," katanya.

(END)